

Berita Manmin

NO. 35 21 JULAI 2024

Orang yang Telah Bertemu Tuhan



Kelemahan saya berubah menjadi suatu laluan ajaib di mana kuasa-Nya dimanifestasikan

"Telinga kiri saya tidak dapat mendengar untuk waktu yang lama tetapi sekarang saya dapat mendengar!"

Kira-kira 5 tahun lalu, saya meninggalkan gereja dan menjadi suam-suam kuku. Sementara itu saya mengalami artritis akut pada lutut kiri dan mengalami kesukaran menaiki bangunan tanpa lif. Selain itu, pendengaran pada telinga kiri saya semakin teruk akibat kesan selepas pembedahan tumor otak dan saya didiagnosis mengalami kecacatan pendengaran pada akhir tahun 2023. Kemudian, saya mula memakai alat bantu pendengaran.

Pada bulan Februari 2024, saya hampir tidak dapat menggerakkan lengan kiri akibat bahu kiri terkehel, dan kesakitan itu menyebabkan masalah besar dalam kehidupan sehari-hari.

Pada masa itu, saya berada di tengah-tengah doa nazar 300 hari untuk kehendak Tuhan dan pilihan gereja masa depan saya. Pada akhir Februari, saya sangat terdorong untuk kembali ke gereja ini lalu pada hari Ahad, 10 Mac, saya kembali dengan perasaan terharu.

Sejurnya, saya sangat takut untuk menaiki tangga menuju ruang ibadat di tingkat tiga. Walau bagaimanapun, apabila saya melangkah ke anak tangga pertama, saya tidak berasa sakit sama sekali dan menaiki tangga hingga ke tingkat tiga dengan selesa.

Ketika saya mengalami kerja Diaken Yujeong Jang | 78, Paroki 16 di Gereja Pusat Manmin

kesembuhan Tuhan dalam ibadat pertama saya di gereja ini, saya dengan gembira menjadi yakin dengan jawapan dan bimbingan Tuhan.

Keesokan harinya Perjumpaan Doa Daniel Nazar bermula dan saya mengikutinya dengan hati yang berdebar-debar. Saya bertaubat atas keingkaran saya terhadap kehendak Tuhan dan dengan sungguh-sungguh memohon rahmat-Nya, dipenuhi oleh Roh Kudus.

Kemudian, saya mula dapat mendengar pada telinga kiri yang mana saya tidak dapat mendengar sebelum ini, lalu saya menanggalkan alat bantu pendengaran dengan iman. Satu Perjumpaan Kesembuhan Ilahi diadakan pada hari Jumaat, 29 Mac. Ketika penghutbah Pendeta Soojin Lee berdoa untuk orang sakit dari podium, badan saya terasa seperti terbang di udara dan menjadi segar. Selepas itu, saya dapat mengangkat lengan kiri dan menggerakkan seluruh badan saya dengan selesa. Saya juga dapat mendengar dengan jelas pada telinga kiri.

Tuhan Yang Maha Kasih memberkati saya untuk bertemu dan mengalami Tuhan Yang Maha Hidup dan membimbing saya untuk menjalani kehidupan yang bahagia di gereja ini. Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan.



"Saya sangat gembira kerana saya dapat memakai kasut sukan tanpa rasa sakit sekarang!"

Diaken Kanan Chunok Lim | 63, Paroki 13 di Gereja Pusat Manmin

Hal ini berlaku pada tahun 2020. Suatu hari kelihatan seperti ada duri yang tersangkut pada jari tengah kaki kanan lalu saya melihatnya dengan teliti. Namun begitu, tiada apa yang saya temui pada jari itu. Kesakitan semakin teruk seiring dengan masa dan kemudian saya tidak dapat menahan kesakitan pada setiap kali jari kaki saya terkena apa-apa.

Saya mengalami kesukaran besar untuk berjalan dan terpaksa berehat di tengah perjalanan akibat kesakitan yang tidak tertanggung. Saya harus melangkah dengan berhati-hati dan perlahan-lahan dengan sisi kaki supaya tapak kaki saya tidak menyentuh tanah. Hal ini menyebabkan postur yang tidak betul dan sakit belakang. Dua tahun kemudian, simptom yang sama berlaku pada jari tengah kaki kiri, jadi saya terpaksa

hanya memakai kasut wanita berjenama Crocs.

Hospital mendiagnosis saya dengan 'neuroma interphalangeal' yang merujuk sindrom pemampatan saraf kaki dan memberitahu saya bahawa ia disebabkan oleh punca yang tidak diketahui dan tidak akan sembuh sepenuhnya walaupun dengan pembedahan. Saya mengambil ubat tetapi tidak bertambah baik. Saya berhenti pergi ke hospital.

Saya dilanda kebimbangan dan ketakutan, berfikir, 'Adakah saya tidak dapat berjalan? Adakah saya perlu bergantung kepada kerusi roda elektrik?'

Satu idea terlintas dalam fikiran saya bahawa saya hanya dapat bergantung kepada Tuhan. Saya mula berdoa dengan bersungguh-sungguh dan menunggu jawapan daripada Tuhan. Saya cuba sedaya upaya untuk berubah

mengikut kebenaran. Selama setahun, nampaknya jawapan-Nya masih jauh daripada saya.

Pada 8 Januari 2024, semasa saya berdoa dengan keinginan yang kuat dalam Perjumpaan Doa Daniel Nazar, rahmat Tuhan datang kepada saya secara tidak disangka-sangka.

Kesalahan saya yang lalu terlintas dalam fikiran saya: Saya marah dan berang dan kadang-kadang menunjukkan sikap baran panas dalam situasi yang saya rasa tidak sesuai dan mengajarkan kata-kata negatif, dan lain-lain. Saya bertaubat atas semuanya dengan kesedaran bahawa saya tidak berubah walaupun saya telah mendengar injil kekudusan untuk masa yang lama.

Sejak itu, badan saya terasa ringan dan sejuk, dan hati saya dipenuhi oleh kasih Tuhan. Pada suatu ketika, idea terlintas dalam fikiran saya bahawa saya



akan dapat memakai kasut sukan. Mengejutkan saya kerana saya melakukannya tanpa berasa sakit. Saya tidak dapat memakai kasut sukan selama lebih setahun, tetapi sekarang saya sangat gembira kerana saya dapat keluar dengan memakai kasut sukan.

Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan kerana Dia telah memberikan saya rahmat untuk berdoa dengan tekun dalam apa-apa keadaan dan menjawab doa saya.

"Lebam kepala hilang dan saya terasa seperti terbang di angkasa!"

Diaken Jeongok Ji | 66, Paroki 2 di Gereja Pusat Manmin



Pada awal bulan Mac 2024, angin kencang bertiup pada suatu petang. Apabila saya pulang ke rumah dan memutarkan tombol pintu depan, angin itu membantingnya terbuka lalu badan saya jatuh ke tanah ke arah belakang dengan bunyi hentakan.

Belakang kepala saya terhantuk ke tanah lalu saya berasa sakit berdenyut-deniyut pada sebelah kiri kepala saya. Saya berjaya bangun dengan susah payah tetapi saya tidak dapat menggerakkan tangan dan leher saya. Bahagian belakang kepala saya agak Bengkak dan saya berasa sangat pening.

Kemudian saya menghadiri Perjumpaan Doa Daniel Nazar dan dalam doa saya mengimbas kembali hari-hari lalu saya dengan berfikir mengapa saya tidak dilindungi oleh Tuhan. Saya diingatkan bahawa saya telah merungut, berasa

kecewa, menghakimi, dan mengutuk orang lain, lalu saya bertaubat atas semuanya. Saya juga mempersembahkan doa puasa setiap pagi selama seminggu sebelum Perjumpaan Kesembuhan Ilahi yang dijadualkan untuk diadakan pada 20 Mac 2024.

Dengan keinginan yang kuat, saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi secara dalam talian di gereja tempatan di Guro-Gu dan saya sangat terharu mendengar khutbah yang disampaikan oleh Pastor Kanan Soojin Lee. Kata-kata beliau terpahat dalam hati saya. Sementara itu, kesakitan lebam kepala hilang secara beransur-ansur.

Selepas beliau berdoa untuk orang sakit dari podium, kesakitan dan pening hilang sepenuhnya manakala bengkak pada bahagian belakang kepala berkurangan. Saya juga dapat menggerakkan leher dengan bebas. Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Yang Maha Kasih yang membimbing jalan saya dan memberikan jawapan apabila saya mencari kehendak Tuhan.

Tuhan ialah Cahaya (6)

Datang kepada Cahaya

"Tetapi sesiapa yang melakukan kehendak Allah datang kepada cahaya, supaya nyata bahawa perbuatan yang dilakukannya menurut kehendak Allah" (Yohanes 3:21).

"Jika anda mengasih Tuhan yang merupakan Cahaya, saya menggesa anda untuk menjauhkan diri daripada kegelapan dan cuba untuk datang kepada Cahaya pada setiap hari. Saya berharap dengan melakukannya, anda akan menjadi anak-anak Cahaya yang sempurna."

Ada tidak terhitung banyaknya jenis tumbuhan. Ketika anda mengamatinya dengan lebih dekat, anda mungkin menemukan sesuatu yang menakjubkan. Jika anda meletakkan pasu tumbuhan berdekatan jendela selama beberapa hari, anda mungkin akan mendapati bahawa hujung batangnya meregang ke arah jendela untuk mendapatkan sinar matahari. Tumbuhan dan pokok di hutan yang tebal di mana sedikit sinar matahari masuk, meregangkan batang dan cabangnya menuju cahaya matahari.

Namun begitu, ada beberapa tumbuhan yang bertumbuh secara berlawanan dengan cahaya matahari. Hal ini demikian kerana setiap tumbuhan bereaksi terhadap cahaya dengan cara yang berbeza. Manusia juga seperti ini dari segi rohani.

Manusia mempunyai kebaikan dan kejahatan dalam hati mereka. Kebaikan berasal daripada Tuhan, dan ia memilih hal-hal yang baik dan mengikuti kebenaran. Sebaliknya, kejahatan berasal daripada Iblis, ia menyukai kegelapan dan menghasilkan dosa dan kejahatan. Bergantung seberapa baik atau seberapa jahat mereka, sesetengah daripada mereka mengikuti kebenaran dan datang kepada Cahaya, sementara yang lain mengikuti kejahatan dan melitupi diri mereka dengan kegelapan.

Perhatikanlah dengan baik orang di sekitar anda. Meskipun mereka menghadapi kesukaran yang serupa, sesetengah orang mungkin berasa pesimis dan memilih jalan kegelapan dan kehancuran, tetapi yang lain mungkin membantu orang dalam situasi serupa dan cuba menjalani kehidupan yang memuaskan. Terdapat sesetengah orang yang sebelumnya termasuk dalam kelompok penjenayah tetapi berpaling daripada jalan mereka lalu hidup sebagai warganegara yang patuh pada undang-undang.

Apakah yang dapat kita pelajari daripada perkara ini? Orang yang hidup dengan hati nurani yang baik dan lurus akan menuju ke arah Cahaya dalam setiap situasi. Walaupun mereka dinodai oleh kegelapan untuk sementara waktu di tengah-tengah kesulitan dan kesukaran, mereka akan cuba berpaling dan datang kepada Cahaya.

Marilah kita sekarang meneliti apa yang harus kita lakukan untuk datang kepada Cahaya dan menjadi anak-anak Cahaya yang indah dan sempurna.

1. Orang yang melakukan kehendak Tuhan datang kepada Cahaya

Yohanes 3:21 menyatakan, "Tetapi sesiapa yang melakukan kehendak Allah datang kepada cahaya, supaya nyata bahawa perbuatan yang dilakukannya menurut kehendak Allah."

'Orang yang melakukan kehendak Tuhan' merujuk orang yang menerima Yesus Kristus dan mengamalkan Firman Tuhan yang merupakan kebenaran. Mereka membuktikan bahawa mereka berasal daripada Tuhan melalui perbuatan-perbuatan Cahaya.

Apakah Cahaya? Cahaya merujuk Tuhan di mana tidak ada kegelapan sama sekali dan yang kekal dan sempurna. Apabila sifat-sifat hati Tuhan dinyatakan secara luaran, itu ialah Cahaya (1 Yohanes 1:5; Yakobus 1:17).

Yohanes 1:1-5 merujuk Yesus yang merupakan Anak Tuhan sebagai Cahaya, dan 1 Petrus 1:19 menyatakan, "tetapi korban yang sangat berharga, iaitu Kristus sendiri, yang menjadi seperti domba yang tidak bercacat cela." Ayat ini bermaksud bahawa, Yesus, yang merupakan Firman dan datang ke bumi sebagai manusia, adalah satu dengan Tuhan pada hakikatnya. Dia bersinar atas semua orang dengan cahaya hidup-Nya.

Oleh itu, Cahaya ialah Tuhan dan Yesus Kristus, dan merupakan firman kebenaran sendiri. Sekali lagi, Tuhan ialah Cahaya, Cahaya ialah firman kebenaran,

dan Yesus yang merupakan Firman, mengenakan bentuk manusia dan datang ke bumi. Yesus yang merupakan Firman itu sendiri memikul salib, dan dengan melakukannya, Dia menunaikan tugas-Nya sebagai Penyelamat bagi umat manusia dan menjadi jalan sejati bagi seluruh umat manusia.

2. Orang yang Datang kepada Cahaya

Pertama, mereka mempunyai kerinduan untuk mendengar Firman Tuhan dan merenungkan Firman itu siang dan malam.

Apabila orang mendengar Injil, menerima Yesus Kristus, menyedari bahawa mereka ialah orang yang berdosa dan bertaubat dengan sepenuhnya, sesiapa pun daripada mereka dapat menerima Roh Kudus sebagai kurnia. Roh Kudus ialah hati Tuhan. Oleh itu, jika mereka menerima Roh Kudus, mereka secara alamiah akan mengasihi Cahaya yang merupakan sifat Tuhan dan akan mendambakan Firman Tuhan.

Daud ialah wakil tokoh Alkitab yang sangat mengasihi Firman Tuhan. Dia menulis banyak bab Mazmur. Mazmur 119:97 menyatakan, "Aku sangat mencintai Taurat-Mu! Aku merenungkannya sepanjang hari." Mengapakah Daud mengatakan bahawa dia mencintai Taurat Tuhan?

Jika anak-anak Tuhan membenci seseorang, hal itu bertentangan dengan hukum Tuhan yang merupakan kebenaran. Sejauh mana mereka mempunyai ketidakbenaran dalam hati mereka, Roh Kudus mengerang, damai sejahtera hilang dalam hati mereka, dan mereka merasakan kesakitan. Namun begitu, jika mereka diingatkan bahawa Tuhan memerintahkan kita untuk mengasihi bahkan musuh kita, lalu mereka menyingkirkan kebencian dan mengasihi orang itu, mereka akan mempunyai damai sejahtera dalam hati dan penuh sukacita dari syurga. Mazmur 19:10-11 menyatakan, "Ketetapan TUHAN itu adil, tidak berat sebelah. Ketetapan TUHAN lebih berharga daripada emas murni, lebih manis daripada madu."

Kedua, mereka menyimpan Firman Tuhan dalam fikiran mereka dan memeliharanya.

Perintah-perintah yang tertulis dalam Alkitab sebahagian besar dibahagikan menjadi empat jenis perintah: lakukan, jangan lakukan,kekalkan, dan singkirkan. Kita harus melakukan apa yang dikatakan Tuhan kepada kita untuk kita lakukan, tidak melakukan apa yang tidak boleh kita lakukan, mengekalkan apa yang harus kitakekalkan, dan menyingkirkan apa yang harus kita singkirkan. Hal ini merupakan kewajipan anak-anak Tuhan yang mengasihi Dia. Jika anda benar-benar mengasihi Tuhan, anda akan dengan sukarela dan sukacita mentaati perintah-perintah itu, bukan dengan paksaan.

1 Yohanes 5:3 menyatakan, "Apabila kita mentaati perintah Allah, maka kita mengasihi Allah. Perintah-

Nya pun tidak terlalu susah bagi kita." Tuhan memerintahkan kita untuk menguduskan Hari Tuhan kerana kita akan berasa gembira apabila kita menghadiri ibadat dan mengekalkan persekutuan dengan saudara dan saudari seiman. Selain itu, ketika kita memberikan persepuhan atau persembahan syukur, itu seharusnya bukan kerana rasa kewajipan atau memberikan secara kedekut. Ketika kita membantu orang yang memerlukan atau apabila kita sukarela untuk melakukan gereja, kita dapat melakukannya dengan rasa bersyukur atas kasih Tuhan yang telah memberikan Anak-Nya yang tunggal bagi kita di atas kayu salib.

Ketiga, mereka menghargai tugas yang diberikan oleh Tuhan dan melakukannya dengan setia.

Satu pasangan suami istri, Priskila dan Akwila, muncul dalam Kisah Rasul-rasul. Mereka ialah sumber kekuatan besar bagi Rasul Paulus dalam perjalanan misi keduanya ketika dia mengunjungi Korintus. Mereka menyediakan rumah mereka agar orang yang percaya kepada Kristus dapat berkumpul dan Rasul Paulus dengan bebas memberitakan Injil. Mereka juga membantu Rasul Paulus dalam mendirikan Gereja Awal di sana.

Mereka membantu Rasul Paulus dengan sangat setia sehingga Rasul Paulus memperkenalkan mereka sebagai "Mereka menyabung nyawa untukku. Aku berterima kasih kepada mereka – dan bukan aku sahaja, tetapi jemaah orang bukan Yahudi juga berterima kasih kepada mereka" (Roma 16:4). Mereka membantu Rasul Paulus dan mendedikasikan diri mereka kepada kerajaan Tuhan bahkan sanggup berkorban nyawa mereka sendiri. Seperti mereka, orang yang datang kepada Cahaya menghargai tugas yang diberikan oleh Tuhan dan melaksanakannya dengan setia tanpa mengambil kira kepentingan tugas tersebut.

Keempat, mereka mendedikasikan hidup mereka untuk kebenaran dan kerajaan Tuhan.

Sebelum Rasul Paulus bertemu dengan Tuhan Yesus, dia telah menganiaya orang Kristian. Namun begitu, setelah dia bertemu dengan Tuhan Yesus dalam perjalanan ke Damsyik, dia diperbaharui. Dia membungkungkan orang Yahudi yang tinggal di Damsyik dengan membuktikan bahawa Tuhan Yesus ialah Mesias dan Anak Tuhan. Dia juga memberitakan Injil dengan segenap hidupnya dalam segala jenis penganiayaan. Sehingga dia menjadi martir dengan dipenggal kepalanya, dia mendedikasikan hidupnya untuk kerajaan Tuhan dan melalui dedikasinya, Injil kemudian berkembang dalam Empayar Roma yang merupakan pusat dunia pada masa itu.

Jika anda benar-benar mempunyai iman dan harapan untuk syurga, anda akan bersyukur dan bergembira walaupun di bawah penganiayaan dan menyampaikan berita tentang Tuhan Yesus. Hal ini demikian kerana

anda percaya bahawa Tuhan akan memberikan pahala besar di syurga walaupun pada ketika ini kelihatan bahawa anda dihina atau dianiaya kerana Tuhan Yesus (Matius 5:11-12).

Orang yang datang kepada Cahaya adalah benar-benar indah dan mulia. Di sinilah terletaknya tujuan panggilan Tuhan. Kita ialah bangsa yang terpilih, imam yang mengabdikan diri kepada Raja, dan umat kepunyaan Tuhan sendiri. Tuhan memanggil kita supaya kita mengisytiharkan keunggulan-Nya yang telah membawa kita keluar daripada kegelapan untuk masuk ke dalam cahaya-Nya yang menakjubkan (1 Petrus 2:9). Bagi orang yang datang kepada Cahaya, Tuhan menyediakan Yerusalem Baru, tempat kediaman terbaik di syurga (Wahyu 21).

Walau bagaimanapun, anda perlu datang ke gereja dahulu untuk datang kepada Cahaya. Lebih-lebih lagi, jika anda ingin bertemu dengan Tuhan dan menerima jawapan dan berkat-Nya dengan cepat, anda perlu mengikuti Cahaya dengan rela dan percaya kepada Tuhan, bukan hanya dengan mulut tetapi dengan hati. Kita juga harus bertindak dalam kebenaran dan tidak berubah-ubah dengan cara kita (Ibrani 10:22).

Apabila kita percaya kepada Tuhan dari dalam hati kita, mengikuti kebenaran, dan bertindak dalam Cahaya, Tuhan akan menjadikan segala-galanya makmur bagi kita dan memenuhi semua janji yang tertulis dalam Alkitab untuk kita.

3. Berkat kerana Datang kepada Cahaya

Yesus, yang datang sebagai Cahaya dunia, mengajar kebenaran dan mengajar tentang Injil Kerajaan. Orang yang berada dalam kegelapan tidak mempunyai kesedaran, tetapi orang yang mempunyai kebaikan mendapati dosa mereka melalui cahaya kebenaran, bertaubat daripada dosa-dosa mereka, dan mencapai keselamatan.

Anda dapat hidup dalam Cahaya dan membolehkan Roh Kudus melahirkan roh dalam diri anda jika anda mengikuti keinginan Roh Kudus setelah menerima Yesus Kristus dan menerima Roh Kudus sebagai kurnia.

Kemudian, tidak menjadi masalah walaupun anda kekurangan kebijaksanaan atau kekuatan. Hal ini demikian kerana anda dapat berkomunikasi dengan

Tuhan yang merupakan Cahaya, mendengar suara Roh Kudus, menerima bimbingan-Nya, dan dengan demikian dapat dipimpin kepada kesejahteraan dalam segala perkara dan dapat menerima kebijaksanaan dari syurga. Tidak kira betapa rumitnya masalah anda, Roh Kudus akan memberitahu anda jalan keluar. Oleh itu, anda tidak akan menghadapi rintangan, dan walaupun ada rintangan, anda dapat mengelakkannya.

Seperti yang dinyatakan dalam 1 Korintus 3:18, "...Jika sesiapa antara kamu menganggap dirinya bijak menurut penilaian dunia ini, biarlah dia menjadi bodoh supaya dia benar-benar bijaksana." Kebijaksanaan dunia adalah bodoh. Namun begitu, apabila kita disucikan dan semakin datang kepada Cahaya, kita dapat menerima kebijaksanaan dan pengertian dari syurga seperti yang tertulis dalam Yakobus 3:17, "Tetapi orang yang mempunyai kebijaksanaan yang datang dari syurga, pertama sekali murni, suka akan kedamaian, lemah lembut, dan ramah tamah. Mereka berbelas kasihan dan mengamalkan segala macam perbuatan baik. Mereka tidak berat sebelah atau munafik."

Selain itu, apabila anda hidup dalam Cahaya, anda akan berasa gembira walaupun anda tidak mempunyai apa-apa. Anda tidak akan berasa kekurangan walaupun anda kekurangan banyak perkara. Filipi 4:11 menyatakan, "Aku berkata seperti itu bukan kerana aku berkekurangan; aku sudah belajar berpuas hati walaupun aku hanya memiliki sedikit." Apabila anda hidup dalam Cahaya, anda dapat mempunyai kedamaian dengan Tuhan dan damai serta sukacita dalam hati anda. Anda akan mempunyai kedamaian dengan semua orang, tidak akan merosakkan kedamaian dengan orang lain, dan akan terus mengucapkan kata-kata kasih, rahmat, dan kesyukuran.

Saudara dan saudari dalam Kristus yang saya kasih. Jika anda mengasihi Tuhan yang merupakan Cahaya, saya menggesa anda untuk menyingkirkan kegelapan dan datang kepada Cahaya pada setiap hari. Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar dengan melakukannya anda akan menikmati kehidupan yang sejahtera di dunia sebagai anak-anak Cahaya dan hidup selama-lamanya dengan bahagia dan penuh sukacita di Yerusalem Baru.

Malay

Berita Manmin

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaejang-Ro 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
(Poskod: 07056)

<http://www.manminnews.com/2012/nation/ebooks.asp?nation=mal>
www.manminnews.com, E-mel: manminhq@manmin.kr

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara



Telefon: 82-2-824-7107
www.gcntv.org
webmaster@gcntv.org



Telefon: 82-2-818-7032
www.manminseminary.org
manminseminaryhq@gmail.com



www.wcdn.org
wcdnkorea@gmail.com



Telefon: 82-2-818-7241
www.urimbooks.com
urimbook@hotmail.com

"Sindrom menopaus dan batuk asma hilang!"

Diaken Moonyoung Yeom
53, Paroki 14 di Gereja Pusat Manmin

Gejala menopaus saya sangat teruk dan hal ini menyebabkan banyak kesukaran dalam kehidupan harian. Gejala bermula pada suatu hari pada musim luruh pada bulan Oktober 2023. Badan saya tiba-tiba terasa panas oleh demam dan pakaian saya basah kuyup oleh peluh. Hal ini berlaku kepada saya walaupun pada musim sejuk menyebabkan saya tidak dapat memakai pakaian dengan betul. Kadang-kadang badan saya menjadi sejuk akibat berpeluh, jadi saya akan mengalami selesema dengan hidung berhingus dan sakit tekak.

Setiap kali saya batuk, saya mengalami gangguan pernafasan. Saya menghadapi masalah besar walaupun bercakap melalui telefon di pejabat kerana saya tidak dapat berhenti batuk. Keadaan ini menjadi lebih teruk di tempat tertutup termasuk kereta api bawah tanah, jadi kadang-kadang saya terpaksa turun dari kereta api bawah tanah dalam pertengahan jalan akibat batuk yang teruk.

Keadaan bertambah buruk pada bulan Mac 2024 dan saya menghadapi batuk asma. Saya mengambil keberanian dan bertekad kuat untuk menerima penyembuhan ilahi daripada Tuhan. Saya menghadiri Perjumpaan Doa Daniel Nazar selama 21 hari bermula dari 11 hingga 31 Mac sebagai persediaan untuk kesembuhan dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan Mac.

Tidak mudah untuk saya berseru dalam doa kerana batuk, tetapi saya berfikir, 'Jika saya mati, saya akan mati' dan berdoa dengan sungguh-sungguh dan tekun dengan keinginan yang kuat untuk mendapat kesembuhan.

Pada 29 Mac, saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi semasa Ibadat Sepanjang Malam Jumaat secara dalam talian. Apabila Pastor Kanan Soojin Lee menyampaikan khutbah, kelihatan seolah-olah beliau memberikan kaunseling peribadi kepada saya. Saya diingatkan bahawa saya telah berpegang kepada kebenaran diri dan menyakiti orang lain dengan kata-kata yang terlalu berterus terang. Saya dapat merasakan kesakitan yang mungkin dirasakan oleh mereka dalam hati mereka lalu bertaubat dengan linangan air mata dan hingus.

Apabila pengkhutbah berdoa untuk orang sakit, saya dipenuhi oleh Roh Kudus dan yakin akan kesembuhan saya. Saya bangun dan melompat kegembiraan. Selepas ibadat, saya menghubungi kenalan yang saya telah sakiti sehingga saat itu lalu dengan tulus meminta maaf kapadanya.

Selepas itu, gejala menopaus dan batuk asma hilang sepenuhnya. Saya sangat gembira kerana saya telah bebas daripada semua kesukaran dan kembali normal. Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan yang telah mengubah, menyembuhkan, dan memberkati saya sedemikian rupa.



Kuasa Tuhan ditunjukkan secara serentak di seluruh dunia!

Kesembuhan, jawapan, perubahan dan berkat datang kepada anda pada hari ini!

Keajaiban dan transformasi baharu membanjiri hidup anda!

Retret Musim Panas Manmin

Pukul 7:30 petang pada 29 Julai 2024

gcntv.org, manmin.org

Pengkhutbah: Pendeta Dr. Soojin Lee

